




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 03/2022 dari 16 Januari hingga 22 Januari 2022)


Pada minggu ketiga tahun 2022, jumlah kes Demam Denggi yang dilaporkan adalah 736 berbanding 717 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 19 kes (2.6%). Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ketiga 2022. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 2,165 kes berbanding 2,136 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 29 kes (1.4%), manakala tiada kematian denggi dilaporkan seperti mana tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 17 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 18 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 15 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya serta di Negeri Sembilan. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 33 kes pada minggu ketiga dengan 13 kes dari WPKL & Putrajaya, masing-masing lapan (8) kes dari Selangor dan Negeri Sembilan serta masing-masing dua (2) kes dari Kedah dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 84 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 105 sampel darah dan dua (2) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Sempena sambutan Hari Penyakit Tropikal Terabai (*World Neglected Tropical Diseases Day*) yang jatuh pada 30 Januari 2022 marilah kita bersama-sama memutuskan rantaian kitaran hidup nyamuk *Aedes* dengan menjaga kebersihan dan kelestarian persekitaran. Aktiviti gotong-royong sendiri serta aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan denggi sekurang-kurangnya 10 minit seminggu adalah efektif bagi memastikan tiada tempat potensi pembiakan denggi di persekitaran. Selain itu, gunakan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas simpanan air kekal serta lakukan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang mungkin infektif. Mencegah demam denggi adalah tanggung jawab semua lapisan masyarakat. Ayuh bersama, putus rantaian jangkitan demam denggi. **Tiada *Aedes*, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
9. Februari 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu kedua dan ketiga tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ketiga tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2022, 2021 dan Median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ketiga tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 03/2022
(16 Januari hingga 22 Januari 2022)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 03/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 03/2021	
		Minggu 03 (16 Januari – 22 Januari 2022)		Minggu 02 (9 Januari – 15 Januari 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	1	0	3	0	1	0
2	Kedah	37	0	34	0	90	0	22	0
3	P. Pinang	16	0	6	0	31	0	50	0
4	Perak	9	0	4	0	29	0	55	0
5	Selangor	447	0	473	0	1,374	0	1,173	0
6	WP KL & Putrajaya	52	0	59	0	180	0	227	0
7	N. Sembilan	30	0	19	0	69	0	70	0
8	Melaka	21	0	12	0	51	0	78	0
9	Johor	34	0	31	0	95	0	229	0
10	Pahang	17	0	7	0	31	0	64	0
11	Terengganu	1	0	3	0	5	0	4	0
12	Kelantan	7	0	5	0	14	0	20	0
13	Sarawak	19	0	11	0	56	0	37	0
14	Sabah	44	0	52	0	135	0	106	0
15	WP Labuan	1	0	0	0	2	0	0	0
	MALAYSIA	736	0	717	0	2,165	0	2,136	0

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 03/2022
(16 Januari hingga 22 Januari 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	21	94
2	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	33	89
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 21-32 Taman Kantan Permai	26	77
4	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 3 (Teres 1) [Jln SS 3/41, 41a, 43, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 59A-D, 59F]	17	73
5	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT Lembah Subang 2 (Blok A-E)	59	69
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	20	50
7	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 1 (Angsana Appt)	25	49
8	SELANGOR	Petaling	E8. BU SS 4A	9	48
9	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 8 Armanee Terrace Kondo	15	45
10	WPKL	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok G1-G5)	12	39
11	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Glen Court Bandar Sungai Long	10	39
12	NEGERI SEMBILAN	Seremban	Taman Kelab Tuanku Mambau	8	36
13	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/1	10	34
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	7	33
15	SELANGOR	Hulu Langat	Embun Residence Taman Puncak Saujana	9	32
16	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 4/1	10	31
17	SELANGOR	Petaling	E11. Sri Pju 1a Pprt 1 Blok (A,B,C)	12	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 03/2022
(DARI 16 JANUARI HINGGA 22 JANUARI 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 03/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 03/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 03/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 03/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	2	16	4	32	140
3	P. Pinang	0	2	4	4	77
4	Perak	0	5	1	17	180
5	Selangor	8	1	22	2	339
6	WP KL & Putrajaya	13	0	27	1	490
7	N. Sembilan	8	0	16	0	22
8	Melaka	0	0	1	5	29
9	Johor	0	1	2	2	97
10	Pahang	0	0	0	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	2	1	7	2	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	33	26	84	65	1,432




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 04/2022 dari 23 Januari hingga 29 Januari 2022)


Pada minggu ke-4 tahun 2022, jumlah kes Demam Denggi yang dilaporkan adalah 783 berbanding 736 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 47 kes (6.4%). Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-4 2022. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 2,948 kes berbanding 2,722 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 226 kes (8.3%), manakala tiada kematian denggi dilaporkan berbanding dua (2) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 21 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 17 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 19 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di WPKL & Putrajaya serta di Negeri Sembilan. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 32 kes pada minggu keempat dengan 13 kes dari WPKL & Putrajaya, sembilan (9) kes dari Selangor, lima (5) kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Negeri Sembilan dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah dan Perak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 116 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 120 sampel darah dan dua (2) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Sempena cuti panjang Tahun Baru Cina dan cuti persekolahan, ramai yang mengambil peluang untuk pulang ke kampung atau melancong bersama keluarga. Sebelum meninggalkan rumah, pastikan persekitaran kediaman bebas dari bekas berpotensi pembiakan nyamuk Aedes. Gembur tanah yang keras di dalam pasu serta bersihkan palong air hujan dari sampah sarap kerana ia boleh menjadi tempat nyamuk Aedes bertelur. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di tempat penyimpanan air kekal seperti kolah, kolam hiasan dan pam tandas. Dapatkan rawatan segera dan jangan bertanggung sekiranya mengalami gejala demam denggi seperti demam tinggi, sakit otot/ sendi, sakit kepala serta sakit di belakang mata. Pelihara keluarga, komuniti dan masyarakat dari ancaman bahaya demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
9 Februari 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ketiga dan ke-4 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke-4 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2022, 2021 dan Median 2017-2021



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-4 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 04/2022
(23 Januari hingga 29 Januari 2022)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 04/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 04/2021	
		Minggu 04 (23 Januari – 29 Januari 2022)		Minggu 03 (16 Januari – 22 Januari 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	1	0	5	0	2	0
2	Kedah	14	0	37	0	104	0	26	0
3	P. Pinang	7	0	16	0	38	0	63	0
4	Perak	20	0	9	0	49	0	63	0
5	Selangor	535	0	447	0	1,909	0	1,519	0
6	WP KL & Putrajaya	67	0	52	0	247	0	298	0
7	N. Sembilan	29	0	30	0	98	0	86	0
8	Melaka	12	0	21	0	63	0	102	0
9	Johor	33	0	34	0	128	0	281	1
10	Pahang	10	0	17	0	41	0	80	1
11	Terengganu	2	0	1	0	7	0	4	0
12	Kelantan	4	0	7	0	18	0	28	0
13	Sarawak	11	0	19	0	67	0	40	0
14	Sabah	37	0	44	0	172	0	130	0
15	WP Labuan	0	0	1	0	2	0	0	0
	MALAYSIA	783	0	736	0	2,948	0	2,722	2

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 04/2022
(23 Januari hingga 29 Januari 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	21	101
2	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	34	96
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 21-32 Taman Kantan Permai	30	84
4	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT Lembah Subang 2 (Blok A-E)	66	76
5	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	24	57
6	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 1 (Angsana Appt)	26	56
7	SELANGOR	Petaling	E8. BU SS 4A	10	55
8	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 8 Armanee Terrace Kondo	15	52
9	WPKL	Titiwangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok G1-G5)	12	46
10	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Glen Court Bandar Sungai Long	10	46
11	N SEMBILAN	Seremban	Taman Kelab Tuanku Mambau	10	43
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	8	40
13	SELANGOR	Hulu Langat	Embun Residence Taman Puncak Saujana	11	39
14	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (A,B,C)	13	38
15	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 4/1	10	38
16	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 6/2	8	34
17	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 9A 1 (Jln 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	15	34
18	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	11	32
19	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	9	32
20	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari - Blok 1, 2 & 3)	8	32
21	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Suria Bandar Sunway Semenyih	6	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 04/2022
(DARI 23 JANUARI HINGGA 29 JANUARI 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 04/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 04/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 04/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 04/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	1	1	5	33	140
3	P. Pinang	0	0	4	4	77
4	Perak	1	2	2	19	180
5	Selangor	9	0	31	2	339
6	WP KL & Putrajaya	13	1	40	2	490
7	N. Sembilan	3	0	19	0	22
8	Melaka	0	1	1	6	29
9	Johor	0	0	2	2	97
10	Pahang	0	0	0	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	5	1	12	3	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	32	6	116	71	1,432